

28 MAR 2002

Mahathir-air/I (bergambar)

BELUM ADA KEPUTUSAN SWASTAKAN JABATAN AIR NEGERI

SHAH ALAM, 28 Mac (Bernama) -- Kerajaan belum membuat keputusan sama ada akan menswastakan badan yang membekalkan air di negeri-negeri, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita belum lagi buat cadangan apa," kata Perdana Menteri ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu bahawa kos yang tinggi untuk menghasilkan air bersih mungkin memaksa kerajaan negeri menswastakan urusan pembekalan air.

Dr Mahathir berkata beliau kecewa dengan pihak-pihak tertentu yang mempertikaikan apa juga rancangan penswastakan oleh kerajaan.

Mereka ini mempunyai fikiran tertutup dan enggan menerima perubahan, katanya kepada pemberita selepas melancarkan kren buatan syarikat tempatan Favelle Favco (M) Sdn Bhd.

Dr Mahathir berkata bahawa jika Telekom tidak diswastakan, ia tidak mampu memberikan perkhidmatan sebaik yang ada sekarang.

Pada masa ini, Telekom Malaysia meraih pendapatan RM2 bilion tetapi sebelum ini kerajaan terpaksa menyediakan peruntukan RM200 juta setiap tahun kepada Jabatan Telekom, katanya.

Daripada pendapatannya sekarang, kerajaan dapat mengutip balik cukai bagi disalurkan kepada rakyat, kata Dr Mahathir.

Mengenai dakwaan kononnya penswastakan gagal seperti yang terjadi kepada Penerbangan Malaysia, Perdana Menteri berkata apa yang berlaku kepada syarikat penerbangan seperti Swissair dan Sabena yang muflis, dan syarikat penerbangan lain, adalah disebabkan oleh kemelesetan ekonomi.

Beliau berkata bahawa disebabkan kegawatan ekonomi, hampir semua syarikat menghadapi masalah.

"Dengan kerana itu sahaja kalau kita tidak berani untuk privatise (swastakan) saya ingat kita akan jadi mundur," kata Dr Mahathir sambil mempertahankan bahawa penswastakan membawa banyak manfaat.

Mengenai pilihan raya kecil Ketari, beliau berkata kempen Barisan Nasional berjalan lancar.

Ketika diminta mengulas kenyataan Pesuruhjaya Pas Pahang Idris Omar meminta pengundi Melayu menyokong DAP pada pilihan raya itu, Dr Mahathir berkata jika Pas menyokong DAP bermakna Pas tidak menyokong sebuah negara Islam.

Pilihan raya kecil bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Pahang kawasan Ketari melibatkan calon BN Yum Ah Ha, 51 dan lawannya dari DAP Choong Siew Onn, 34.

Pengundian ialah Ahad ini.

-- BERNAMA

RIZ MAI